


Penduduk bimbang banjir kilat berulang

SEPANG - Pusat Pemindahan di Balai raya Kampung Chinchang ditutup semalam berikutan air mulai surut semalam.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati terdapat beberapa kawasan pusat pemindahan masih lagi dibuka termasuk Balai Raya Kampung Baru Salak Tinggi, Surau Lembah Paya dan Dewan Taman Gemilang.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Yahya Md Sham berkata, dua kawasan di bawah seliaannya masih dibuka apabila kebanyakan penduduk khuatir banjir kilat berlaku semula.

Menurutnya, seramai 272 mangsa banjir dari Jalan Hj Yusof Salak Tinggi terpaksa ditempatkan di Balai Raya Kampung Baru Salak Tinggi dan 225 mangsa dari Kampung Lembah Paya lagi ditempatkan di Surau Lembah Paya.



Keadaan banjir yang berlaku di beberapa kawasan sekitar Sepang kelmarin.

"Buat masa ini air dah surut tapi ada beberapa rumah penduduk masih terjejas akibat air di lereng tepi sungai.

"Namun, mangsa banjir mahu tinggal di pusat pemindahan apabila melihatkan cuaca tidak menentu," katanya sambil memberitahu hujan lebat kelmarin mengakibatkan beberapa mangsa banjir dipindahkan di kawasan penempatan banjir.

Katanya, air mula naik sehingga satu meter dan ada ka-

wasan yang sudah mencecah paras pinggang.

Sementara itu, di Dengkil, sebuah pusat penempatan di Taman Gemilang dibuka bagi mangsa banjir sekitar Dengkil.

Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif ketika mengunjungi mangsa banjir berkata, beliau sempat zia-rah mangsa banjir di Dewan Taman Gemilang yang kini menempatkan kira-kira 55 mangsa banjir.